

Serdang: Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear (PPDN), Universiti Putra Malaysia (UPM) mengorak selangkah ke depan apabila menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan Beacon International Specialist Centre (BISC), semalam.

Melalui MoU itu, kedua-dua pihak akan bekerjasama dalam penyelidikan bidang pengimejan bertindan Positron Emission Tomography Computed Tomography atau lebih dikenali PET/CT dan teknologi cyclotron.

Naib Canselor UPM Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramli berkata pihaknya yakin perkongsian pintar itu mampu mengoptimumkan kemudahan dan teknologi terkini bidang kajian penyelidikan terutamanya bidang perubatan neurologi, kardiologi, inflamasi dan infeksi serta onkologi.

“MoU ini mampu meningkatkan kerjasama di antara

PPDN tandatangan perjanjian persefahaman dengan BISC

UPM dan pihak industri dalam bidang penyelidikan, akademik serta mengembangkan perkhidmatan pengimejan diagnostik yang berkualiti kepada masyarakat setempat.

“Kerjasama itu secara tidak langsung bakal memberi impak positif kepada industri kesihatan di negara ini,”

katanya pada sidang media selepas menandatangani MoU itu bagi pihak UPM, manakala Ketua Pegawai Eksekutif BISC Jennie Leong mewakili hospital berkenaan.

PET/CT adalah antara teknik terkini yang digunakan dalam sistem penjagaan kesihatan untuk mendiagnosa penyakit dengan efektif dan tepat.



MOHD FAUZI (dua dari kiri) bertukar dokumen perjanjian persefahaman bersama Jennie.